

Newspaper	Utusan Melayu
Date	04/08/17B

Hina UMNO, Melayu lebih dahsyat

UM-4/8/2017 pg. 13

KUALA LUMPUR 3 Ogos - Tindakan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang berterusan mengkritik Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan menghina UMNO dan orang Melayu adalah lebih dahsyat berbanding kritikan-kritikan yang diterimanya selama ini termasuk mengenai nama asal keturunannya.

Ketua Pemuda UMNO Pahang, Shahar Abdullah berkata, boleh dikatakan setiap kali ceramah yang dihadiri, Dr. Mahathir akan menyerang Perdana Menteri secara peribadi dan lebih teruk menjadikan keluarga Najib sebagai mangsa.

Katanya, Dr. Mahathir pernah menggelarkan Najib sebagai lanun Bugis, malah beliau juga pernah mengejek isteri pemimpin negara dan lebih banyak lagi serangan peribadi yang dilakukannya.

"Tetapi kini, mengapa beliau begitu emosional apabila Tim-

balan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi bercakap mengenai kebenaran keturunannya? Tindakan Ahmad Zahid yang berkongsi kebenaran berkenaan asal usul sebenar Dr. Mahathir tidaklah sebesar kutukan serta perpecahan yang dibuatnya terhadap orang Melayu," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.



SHAHAR ABDULLAH

Menurut Shahar, beliau melihat perkongsian Ahmad Zahid mengenai nama asal Dr. Mahathir baru-baru ini sebagai mengingatkan ahli-ahli UMNO supaya sedar dengan tindakan Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) yang berterusan mengutuk, menghina dan memperlekehkan UMNO dan orang Melayu.

Namun begitu, beliau berasa pelik dengan penyokong fanatik Dr. Mahathir yang ingin membuat laporan polis, sedangkan

maklumat yang tercatat di atas kad pengenalan setiap rakyat di negara ini adalah tidak sulit melainkan seseorang itu sedang menyembunyikan identiti sebenar mereka.

"Isu sebenar di sini adalah Ahmad Zahid ingin menegaskan bahawa Dr. Mahathir menggunakan status Melayu itu untuk meraih sokongan demi kepentingan politik peribadi beliau dan keluarganya. Dr. Mahathir mahu meneruskan dinasti dalam pemerintahan, bukan untuk orang Melayu," ujarnya.

Shahar memberitahu, jika benar Dr. Mahathir ikhlas dalam perjuangannya untuk bangsa dan negara, beliau tidak akan keluar dan masuk UMNO sesuka hati dan kini menggunakan PPBM untuk memecahkan orang Melayu.

Jelasnya, rakyat khususnya ahli-ahli UMNO perlu melihat perkara ini daripada perspektif yang lebih besar dan meneliti apa yang ingin disampaikan Ahmad Zahid, bukannya terpengaruh dengan politik pembangkang.